

# THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET

Paracetamol (500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET
2. Bagaimana THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET
4. Cara menggunakan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET
5. Semasa menggunakan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
10. Tarkih kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

**Apakah kegunaan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET**  
THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET digunakan untuk melegakan demam, sakit dan sakit kepala.

**Bagaimana THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET berfungsi**  
THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET Paracetamol berfungsi dengan menghalang penghasilan prostaglandin (bahan kimia) di dalam badan yang menyebabkan demam dan kesakitan. Tindakan ini membantu untuk mengurangkan kesakitan dan demam.

**Sebelum menggunakan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET**  
Bila tidak boleh menggunakan  
Jangan ambil THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET - sekiranya anda mempunyai alahan terhadap paracetamol atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

## Sebelum mula menggunakan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET

- Jangan ambil lebih daripada dos yang disyorkan kerana ianya boleh memudaratkan hati atau buah pinggang anda.
- Ubat ini mengandungi paracetamol. Jangan mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

Beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET jika anda:

- mempunyai kerosakan hati atau buah pinggang.
- mempunyai kekurangan glutathione, atau mengambil alkohol secara berlebihan dan berterusan. Ia boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik adalah termasuk: bernafas dengan mendalam, cepat dan sukar, mual, muntah, hilang selera makan. Sila rujuk kepada doktor anda dengan segera jika anda mempunyai gejala-gejala ini.
- mengalami gejala arthritis yang tidak serius dan perlu mengambil ubat tahan sakit setiap hari.
- mengandungi, merancang untuk mengandungi atau sedang menyusu bayi.
- Sila berjumpa doktor anda jika simptom anda tidak bertambah baik.

## Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil warfarin atau ubat cair darah lain. Penggunaan paracetamol dengan ubat cair darah secara berpanjangan mungkin meningkatkan risiko pendarahan.
- Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## **Cara menggunakan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET** Berapa banyak harus digunakan

- Dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak berusia 12 tahun keatas: Ambil 1-2 biji.

- Dos maksimum harian: 4000mg (8 biji)
- Kanak-kanak, 6 hingga 11 tahun: Ambil ½ - 1 biji.
  - Dos maksimum harian: 2000mg (4 biji)
  - Jangan gunakan untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.
  - Ubat ini adalah untuk dimakan sahaja

## Bila perlu digunakan

Ambil setiap 4 - 6 jam bila perlu. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

## Berapa lama perlu digunakan

Jangan mengambil ubat secara berpanjangan tanpa nasihat doktor atau ahli farmasi anda. Sila jumpa doktor jika gejala anda tidak bertambah baik.

## Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

## Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa kerana anda mungkin berisiko mengalami kegagalan hati. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## **Semasa menggunakan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET** Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat mengikut arahan doktor atau maklumat pada kotak ubat.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandungi semasa

# THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET

Paracetamol (500mg)

mengambil ubat ini.

## Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan melebihi dos yang disyorkan.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda. anda.

## Perkara yang perlu diberi perhatian

### AMARAN ALAHAN:

Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala adalah seperti kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

## Memandu dan menggunakan mesin

THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET berkemungkinan besar tidak akan mengganggu keupayaan anda memandu dan mengendalikan jentera.

## **Kesan-kesan sampingan**

Hentikan pengambilan ubat ini dan beritahu doktor serta-merta jika anda:

- mengalami reaksi alahan seperti ruam kulit atau rasa gatal, masalah pernafasan, bengkak bibir, lidah, tekak atau muka.
- mengalami pengelupasan kulit atau ulser dalam mulut.
- mengalami masalah pernafasan dengan aspirin atau ubat anti-radang bukan steroid, dan mengalami reaksi yang serupa terhadap ubat ini.
- mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncanya.

Reaksi-reaksi ini jarang berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines

(ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## **Cara penyimpanan dan pelupusan**

### **THROZZ PARACETAMOL 500MG TABLET**

#### Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

#### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dihapuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk membuang ubat-ubatan jika tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam persekitaran

## **Maklumat Lanjut**

### Rupa dan warna produk

Tablet putih berbentuk kapsul. Polos di satu sisi dengan garis putus di sebelah yang lain.

### Bahan-bahan kandungan

#### Bahan aktif

Paracetamol 500mg.

#### Bahan tidak aktif

Maize Starch

Pregelatinized Maize Starch

Povidone

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Stearate

Purified Water

### Nombor MAL

MAL xxxxxxxxxxxx

## **Pengilang**

Steril-Gene Life Sciences (P) Ltd

No.45, Mangalam Main Road,

Mangalam Village, Villianur

Commune,

Puducherry – 605110, India

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Medicinspire Global Sdn Bhd

B-5-28, Ativo Plaza

No.1, Jalan PJU 9/1

Damansara Avenue

Bandar Sri Damansara

52200 Kuala Lumpur

Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

04/01/2026

## **Nombor Siri**

NPRA (R2) 25/238